



KERATAN AKHBAR
----------------

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	1/10/2019	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### RINGKAS

#### **Polis bantu kesan pembunuh gajah**

**Tawau:** Polis membantu Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sabah bagi mengesan suspek yang membunuh seekor gajah di Sungai Udin, Dumpas, Kalabakan dekat sini, menerusi Operasi Khazanah.

Ketua Polis Daerah Tawau, ACP Peter Umbuas berkata, pihaknya tidak membiarkan JHL bersendirian dan tanpa perlindungan polis untuk membanteras perkara itu.

"Memandangkan suspek ini sah memiliki senjata api dan JHL membuat laporan polis," katanya dalam satu sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Daerah Tawau di sini, semalam.

Menurut Peter, esok juga diadakan perjumpaan bersama wakil Jabatan Hidupan Liar bagi membincangkan cara mengesan suspek.

Semalam, JHL Sabah menyifatkan penemuan kematian gajah pygmy di Sungai Udin pada Khamis lalu, sebagai satu pembunuhan kejam berdasarkan hasil bedah siasat dilakukan pasukan doktor haiwan dan pegawai hidupan liar dengan 70 kesan tembakan.

Pengarah JHL, Augustine Tuuga berkata, hasil bedah siasat menemukan banyak peluru di dalam badan gajah betina itu, sekali gus memberi bayangan keadaan gajah tersebut bertarung menahan kesakitan akibat terkena tembakan. —Bernama